

Hakikatnya! Amaran bergambar mampu menyelamatkan nyawa.



Hari Tanpa
Tembakau
Sedunia
31 Mei 2009

Lebih 5 juta nyawa

terkorban setiap tahun akibat kesan tembakau. Ia adalah satu-satunya produk pengguna yang sah di pasaran yang boleh membunuh jika digunakan. Separuh daripada bilangan perokok akan mati disebabkan penyakit berkaitan tembakau dan asap rokok basi membahayakan sesiapa yang terdedah kepadanya. Sempena Hari Tembakau Sedunia ini, marilah kita mendidik orang ramai berkenaan kesan negatif penggunaan tembakau dan memberi panduan kepada mereka tentang cara menghentikan tabiat buruk ini.

Hari Tanpa Tembakau Sedunia dianjurkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada 1987 untuk menarik perhatian dunia ke atas penggunaan produk tembakau yang semakin berleluasa dan kesan negatifnya terhadap kesihatan. Tema untuk sambutan tahun ini adalah Amaran Bergambar yang menekankan gambar

amaran yang terletak pada kotak-kotak rokok.

Langkah ini dilihat berkesan bagi meningkatkan kesedaran mengenai risiko penggunaan produk tembakau ke atas kesihatan dan meyakinkan perokok untuk berhenti merokok. Banyak negara lain telah melaksanakan kaedah ini seperti yang dipersetujui dalam Konvensyen Rangka Kerja bagi Kawalan Tembakau (FCTC) kelolaan WHO.

Tahukah anda?

- Tembakau adalah sebab kematian paling utama yang boleh dicegah.
- Nikotin adalah unsur yang boleh menyebabkan ketagihan. Memberi amaran tentang risiko sebenar tembakau mampu mengurangkan ketagihan.
- Syarikat pengusaha tembakau menggunakan taktik promosi dan pengiklanan yang

licik bagi mengalihkan perhatian umum terhadap kesan berbahaya produk mereka.

- Kaedah amaran bergambar terbukti memberikan kesan kepada perokok untuk berhenti dan mengurangkan keinginan merokok kepada yang belum ketagih.

Matlamat Hari Tanpa Tembakau Sedunia:

- Meningkatkan kesedaran tentang masalah kesihatan berkaitan penggunaan tembakau.
- Mendedahkan bahaya sebenar tabiat merokok.
- Memberi sokongan penuh kempen anti merokok di kalangan perokok dan bukan perokok.

Syarikat tembakau telah menyelip masuk sebagai penaja di kejohanan Piala Dunia 2002 walaupun pengharaman FIFA ke atas mereka. Sebanyak 180 organisasi sepakat berkata "Keluar! Anda tidak dijemput!"

AMARAN BERGAMBAR DI MALAYSIA



- 1 Februari 2009 – Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memulakan kempen iklan Amaran Bergambar.
- Mulai 1 Jun 2009 – semua jenama rokok di pasaran tempatan diwajibkan memapar amaran bergambar pada kotak masing-masing.
- KKM menggariskan amaran bergambar merangkumi 60% dan 40% daripada saiz

kotak rokok di setiap belah kotak.

- Antara usaha lain yang dijalankan oleh KKM ke arah usaha membanteras masalah merokok.
 - Kawalan perundangan.
 - Mewartakan kawasan larangan merokok.
 - Melaksanakan kempen media Tak Nak Merokok.
 - Aktiviti temu seru (*outreach*) seperti di

sekolah, komuniti dan tempat kerja.

- Infoline Berhenti Merokok.
- Perkhidmatan Klinik Berhenti Merokok.
- Intervensi pendidikan.
- Tinjauan Morbiditi dan Kesihatan Kebangsaan (NHMS) III 2006 menunjukkan bahawa 21.5% golongan dewasa merokok.